

27 JUL 2001

Mahathir-NHK (Temubual)

MALAYSIA AKAN ELAK LAKUKAN KESILAPAN JEPUN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Jepun akan terus dijadikan contoh oleh Malaysia dalam proses pembinaan negara.

Bagaimanapun Malaysia akan berhati-hati dan mengelak daripada melakukan kesilapan serupa yang dilakukan Jepun, kata Perdana Menteri.

"Anda juga boleh belajar daripada kesilapan orang lain, apa yang kita lihat di Jepun hari ini ialah terdapat banyak kesilapan dan kami akan mengelak daripada melakukan kesilapan serupa," katanya dalam satu temubual dengan televisyen NHK Jepun, yang disiarkan Astro Selasa lepas.

Temubual itu, yang diadakan sempena 20 tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, diadakan di Putrajaya. Salinan rakaman temubual itu diedarkan kepada Bernama.

Beliau berkata bagaimanapun, buat masa ini, Jepun bukannya contoh yang baik bagi Malaysia.

Perdana Menteri ditanya sama ada beliau masih mahu menjadikan Jepun sebagai contoh kepada Malaysia bagi Dasar Pandang Ke Timurnya, memandangkan Jepun kini sedang berusaha keras memulihkan ekonominya yang tidak berkembang sejak 10 tahun lepas.

Perdana Menteri berkata Jepun akhirnya akan berubah dan seiring dengan seluruh dunia. Bagaimanapun ia tidak boleh berbuat demikian dengan cara tergesa-gesa hanya kerana ia dikritik oleh orang lain.

"Jepun telah memutuskan bahawa ia perlu berubah dalam cara ia melaksanakan sesuatu, ia perlu ikut apa yang dikatakan oleh Barat sebagai amalan terbaik. Apabila anda cuba mengubah sesuatu anda selalunya mewujudkan kemusnahan," katanya.

Mengenai peranan Jepun di Asia, Dr Mahathir berkata negara itu perlu terus memberi tumpuan pada rantau ini, sensitif terhadap keperluan negara-negara kecil serta bersedia untuk membantu mereka dengan teknologi baru.

Program selama 20 minit itu turut memaparkan beberapa sedutan yang telah menjadi tajuk utama, termasuk sedutan yang menunjukkan Dr Mahathir dan ahli kewangan George Soros berdebat mengenai perdagangan mata wang, dan perhimpunan agung Umno baru-baru ini semasa Dr Mahathir membacakan sajak mengingatkan orang Melayu mengenai asal usul dan perjuangan mereka untuk mencapai kemerdekaan.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai bagaimana penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan Tabung Pembangunan Asia yang beliau telah cadangkan, memberi manfaat kepada negara-negara Asia dalam menghadapi globalisasi.

Beliau berkata jika setiap negara cuba mempengaruhi tujuan globalisasi secara sendirian, ia tidak akan memberikan sebarang kesan langsung.

"Tetapi jika kita dapat berbincang antara satu sama lain terlebih dahulu dan menentukan jenis globalisasi yang memberi manfaat kepada seluruh dunia, maka saya fikir orang akan dengar kerana ia adalah sebuah entiti yang besar, ia merupakan satu pertiga daripada pasaran dunia, dan dengan itu orang perlu mendengarnya," katanya.

Perdana Menteri turut menjawab soalan mengenai perhimpunan agung Umno bulan lepas, dengan berkata beliau mahu mengingatkan orang Melayu mengenai zaman pra kemerdekaan negara supaya mereka tidak membuat kesilapan yang sama.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai tugas besar beliau yang akan datang

iaitu memindahkan kuasa dengan lancar kepada penggantinya.

"Jika saya boleh, saya ingin mengundurkan diri sekarang, tetapi saya tidak dibenarkan berbuat demikian, malahan saya tidak dibenarkan bercakap mengenainya oleh rakan-rakan saya kerana kata mereka ia akan mengganggu. Anda cakap mengenainya pasaran bertindak balas, orang ramai bimbang dan perkara-perkara seperti itu, jadi saya tidak bercakap mengenainya. Tetapi saya bersedia untuk berundur pada bila-bila masa jika rakyat mahukan saya berundur, saya tidak mahu memegang jawatan ini terlalu lama," katanya.

Mengenai sasaran beliau bagi Malaysia selepas ini, Dr Mahathir berkata beliau mahu melihat negara terus aman dan stabil, dan berusaha memastikan Malaysia tetap merdeka walaupun dunia menjadi globalisasi.

-- BERNAMA

RAZ ZS RHM RON